

Penterjemahan Kata Kerja Berimbuhan *Af'ala* (أَفْعَلْ) Dalam Surah al-Baqarah

MUHAMMAD FIRDAUS BIN ABDUL MANAF¹
MAHERAM BINTI AHMAD²

Abstrak

Makalah ini menggabungkan perbandingan bagi fungsi imbuhan awalan iaitu morfem alif (أ) yang terdapat pada awal perkataan af'ala (أَفْعَلْ) dan aplikasinya terhadap kata kerja madi di atas wazn af'ala (أَفْعَلْ) yang terdapat dalam surah al-Baqarah. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana penterjemahan Arab-Melayu ini dilakukan dengan baik terhadap kata akar yang dimasuki oleh imbuhan awalan iaitu morfem alif (أ) padanya. Sampel kajian dipilih secara purposive dan ketepatan padanan dianalisis melalui perbandingan terhadap kesesuaian bagi fungsian makna kata imbuhan yang paling sejadi mengikut konteks ayat yang dikehendaki. Secara kesimpulannya, kajian mendapati bahawa penterjemahan melalui korpus kajian sebegini dapat dilakukan dengan baik, walau pun terdapat sedikit pengubahsuaian yang dilakukan bermatlamat untuk menjadikan terjemahan lebih berbentuk natural sesuai dengan konteks ayat.

Kata kunci: kata kerja berimbuhan, fungsian imbuhan awalan, padanan, konteks ayat.

Abstract

This paper combines the comparison of the initial remuneration of morpheme alif (أ) appearing at the beginning of the word af'ala (أَفْعَلْ) and its application to the verb madi on wazn af'ala (أَفْعَلْ) contained in surah al-Baqarah. The objective of this study is to see how far the Arab-Malay translation is well done to root prefix entered by the morpheme alif (أ) on it. The sample was selected using purposive and fit analyzed by comparing the suitability of the functional meaning of the word's most bitterly adjustment in the context of the desired section. As a conclusion, the study found that the translation through this corpus studies can be done well, although some modifications were done to make sure the translation become more natural and relevant with the context of the verse.

Keywords: verbs, initial remuneration of morpheme, suitability of the functional meaning of the word's, context of the verse.

Pengenalan

Terjemahan bermaksud memindahkan pelbagai idea dan perkataan³ daripada satu bahasa ke bahasa yang lain, di samping memelihara inspirasi teks yang diterjemahkan⁴ (Muhammad Bukhari Lubis, Mohd. Fauzi Jumingan dan Khairunnawa Mohamad 1998: 6). Eugene A. Nida (1964: 31) menyebut bahawa terjemahan itu ialah penyalinan semula kepada bahasa sasaran daripada bahasa asal dalam bentuk persamaan yang terdekat dan bersahaja; pertama daripada segi maknanya dan kedua daripada segi gayanya. Abd Basir Awang (2002: 1) pula menyatakan bahawa terjemahan sering dikaitkan dengan tujuan pemindahan maklumat daripada satu bahasa ke bahasa lain, bahkan sebenarnya proses ini melampaui tujuan tersebut iaitu untuk mewujudkan hubungan yang kolektif antara satu bangsa dengan bangsa-bangsa lain.

Bidang terjemahan merupakan satu disiplin ilmu yang hebat. Perhatian yang diberikan kepadanya sudah lama wujud dan mencapai kemuncak kemajuannya pada zaman Khalifah Harun al-Rashid dengan tertubuhnya perpustakaan *Bayt al-Hikmah*⁵ (Soheir Abd Moneim 1993: 6). Dalam konteks Malaysia hari ini, Mohd. Khuzairi (2010: 31) menjelaskan bahawa sektor penterjemahan buku dalam negara hakikatnya sangat kecil⁶. Senario ini mungkin berlaku kerana kerja-kerja menterjemah bukannya mudah, malah lebih sukar daripada menulis. Ia dianggap sebagai satu kerja seni yang hanya mampu dilakukan oleh mereka yang berbakat, berilmu dan berkemahiran sahaja (Abdul Hadi Abdullah 1998: 13-45).

³ Perkataan ialah unit tatabahasa yang terkecil dan bebas. Bentuk perkataan yang mengambil imbuhan disebut perkataan dan terbitan, manakala yang tidak menerima imbuhan disebut dasar.

⁴ Dyrden menyebut bahawa bidang terjemahan itu terdiri daripada tiga jenis iaitu metafrasa, prafrasa dan tiruan. Metafrasa ialah terjemahan perkataan demi perkataan. Prafrasa iaitu terjemahan yang mengikut karya asal daripada segi makna. Tiruan pula ialah penerjemahan yang mengambil sikap bebas daripada segi makna dan perkataan (Ainon Muhammad. 1991. *Panduan Menterjemah*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur: 15).

⁵ Perpustakaan yang terletak di Baghdad ini terbahagi kepada dua iaitu perpustakaan dan makmal kaji bintang. Akademi ini diketuai oleh Yahya ibn Masawih yang merupakan seorang penterjemah yang fasih berbahasa Greek, Parsi, Hindi, Coptic, Ibriah dan Latin ke bahasa Arab (Arif Karkhi Abu Khudayri. 1993. *Prosiding Persidangan Penerjemahan Antarabangsa ke-4*, Persatuan Penterjemah Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur: 47).

⁶ Industri penerbitan dan terjemahan di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah walaupun ekonomi kita lebih baik dari negara Asia yang lain. Malaysia hanya menerbitkan buku termasuklah yang berkaitan dengan bidang terjemahan Arab-Melayu secara purata hanya sebanyak 5,000 setahun berbanding Jepun dan Korea yang menerbitkan 65,000 buku setahun. Jumlah ini sangat kecil jika dibandingkan dengan negara-negara Eropah yang menerbitkan 80,000 buah buku setahun (Ahmad Zaki Ibrahim dan Norhayati Hamzah. 2007. *Seratan Gerakan Penterjemahan dan Penerbitan Buku-buku*

Abdullah Hassan (2006: 2-4) menyebut bahawa salah satu kajian dalam bidang ini ialah meneliti penterjemahan linguistik sesuatu bahasa melalui salah satu unsur utamanya iaitu melalui bidang morfologi. Morfologi merupakan sebahagian daripada unsur bahasa yang mengkaji binaan struktur perkataan. Terdapat dua unsur utama yang terlibat dalam membina perkataan iaitu morfem dan kata akar. Morfem atau lebih dikenali sebagai kata imbuhan berfungsi sebagai kata pelengkap kepada sesuatu kata akar yang dimasuki olehnya (Ahmad al-Hamlawy 2003: 27-33). Dalam bahasa Arab, proses pengimbuhan ini turut berlaku dan ia bukan sahaja membentuk kata kerja berimbuhan baharu, bahkan juga membawa maksud yang baharu, berdasarkan fungsian makna yang tertentu mengikut konteks ayat yang berbeza-beza.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Haris Sulaiman (2011: 122) dalam tesis sarjananya dari Universiti Malaya yang bertajuk 'Penguasaan kemahiran penterjemahan perkataan Arab berimbuhan di kalangan pelajar IPTA' menjelaskan bahawa ramai pelajar minat mempelajari bahasa Arab dan penterjemahan khususnya menterjemah perkataan berimbuhan daripada pola tiga huruf serta pola terbitan. Walau bagaimanapun disebabkan beberapa faktor, mereka menghadapi kesukaran dan masalah. Beliau mencadangkan agar ada kajian yang akan menjelaskan penggunaan serta aplikasi kosa kata ini yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu dan situasi supaya dapat memahami bacaan dengan baik dan membantu dalam proses penterjemahan.

Kajian berkaitan sub bidang ini dilakukan melalui korpus kajian yang berbeza-beza dan makalah ini hanya memberikan tumpuan kepada penterjemahan al-Qur'an sahaja. Muhammad Nur Lubis (2004) dalam tesis beliau 'Penterjemahan Makna al-Qur'an: Kajian ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan al-Qur'an' ada menyelitkan beberapa kaedah ringkas terhadap panduan asas menterjemah kata kerja berimbuhan di dalam al-Qur'an secara umum. Begitu juga Akmal Khuzairi (2004) dalam tesisnya 'Masalah Terjemahan al-Qur'an al-Karim: Kajian Teori dan Amali dari Segi Konteks Makna Leksikal dalam Terjemahan Melayu' menyebut kepentingan memahami kata kerja berimbuhan berdasarkan konteks ayat bagi melahirkan mutu terjemahan yang berkualiti. Kedua-dua mereka mencadangkan agar ada satu kajian yang sistematik bagi memahami penterjemahan kata kerja berimbuhan, terutamanya yang terdapat di dalam al-Qur'an ini.

Justeru, pengkaji melakukan kajian ini serta memfokuskan kepada penterjemahan Arab-Melayu kata kerja berimbuhan *af'ala* (أَفْعَلَ) dan memulakan kajian dengan menyenaraikan beberapa perbandingan bagi fungsi imbuhan awalan iaitu morfem *alif* (أ) yang terdapat pada awal perkataan *af'ala* (أَفْعَلَ). Kemudian kajian ini disusuli dengan analisis terhadap beberapa sampel daripada kata kerja *madi* di atas *wazn af'ala* (أَفْعَلَ) pada surah al-Baqarah untuk melihat sejauh mana ketepatan padanan yang dilakukan pada terjemahan kata kerja *madi* berimbuhan di atas *wazn af'ala* (أَفْعَلَ) sedia ada.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan beberapa pendekatan yang telah dipilih untuk dijadikan sebahagian daripada metodologi kajian ini. Antaranya ialah:

1. Kajian Kepustakaan

Kajian ini mengutamakan konsep kajian kepustakaan dalam pengumpulan data. Data yang digunakan terdiri daripada data utama dan data sekunder. Data utama dikutip daripada korpus kajian iaitu terjemahan surah *al-Baqarah* yang menggunakan 'Terjemahan al-Quran Hidayah' berbantuan kamus *al-Miftah*. Manakala data sekunder pula diperoleh melalui pembacaan buku-buku dan dokumen yang berkaitan dengan kajian ini dilakukan.

2. Analisis Data

Data yang diperolehi melalui kajian ini akan dianalisis secara konstrastif dan teori konteks. Analisis konstrastif atau bezaan merupakan satu kaedah sinkronik⁷ analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan dan persamaan antara dua bahasa atau lebih, atau antara dua dialek atau lebih, dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat menyelesaikan masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan. Justeru, kajian ini cuba mengkontraskan penilaian terjemahan kata kerja berimbuhan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu melalui terjemahan surah *al-Baqarah* dalam 'Terjemahan al-Quran Hidayah'. Teori konteks pula ialah salah satu kaedah yang digunakan dalam pengkajian makna termasuklah menjelaskan makna kata, rangkai kata, klausa dan ayat (Mashudi Kader & Low Bee Eng 1993: 67).

3. Tatacara Pemilihan Sampel

Persampelan ialah satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji untuk membolehkan generalisasi mengenai sesuatu populasi itu dilakukan (Mohd Shaffie Abu Bakar 1995: 66). Analisis kajian ini dilakukan melalui persampelan 'rawak mudah' dan juga dikenali sebagai *Fishbowl Draw* mewakili fungsian makna imbuhan yang berbeza-beza (Ahmad Sunawari Long 2007: 70).

Dapatan Kajian

Ahmad Qaddur dalam *Mabadi' al-Lisaniyyat* (1996: 43) menyebut bahawa pengembangan kata melalui proses pengimbuhan huruf kepada kata akar menghasilkan banyak kata terbitan dan makna baharu. ^cAli ^cAbd al-Wahid dalam *Fiqh al-Lughat* (1997: 20) pula menyebut bahawa perluasan makna ini difahami melalui pembentukan kata kerja berimbuhan daripada sesuatu kata akar yang dimasuki oleh

1. Penterjemahan Arab-Melayu bagi fungsi imbuhan awalan iaitu morfem *alif* (أ) yang terdapat pada awal perkataan *af'ala* (أَفْعَلَنَّ):

- i. Menukarkan sifat kata akarnya daripada kata kerja tak transitif atau *fi'l lazim* (فِعْلٌ لَّازِمٌ) kepada kata kerja transitif atau *fi'l muta'addiy* (فِعْلٌ مُتَعَدِّيٌّ). Dalam bahasa Arab ia disebut sebagai *al-ta'addiyah* (التَعَدِّيَّة) (Mohd. Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah 2010: 54). Sebagai contoh:

أَقْعَدْتُ الْمَرِيضَ عَلَى الْكُرْسِيِّ

Bermaksud: Saya mendudukkan pesakit itu di atas kerusi.

Kata akar bagi perkataan *aq'ada* (أَقْعَدَ) ini ialah *qa'ada* (قَعَدَ) yang bermaksud 'duduk' dan ia tergolong dalam kalangan kata kerja tak transitif. Tetapi apabila ditambah *hamzah qat'* (أ) pada awal katanya, ia berubah menjadi perkataan *aq'ada* (أَقْعَدَ) dan automatik berubah menjadi kata kerja transitif pula. Sifat bagi kata kerja ini ialah memerlukan objek atau *maf'ul bih* (مَفْعُولٌ بِهِ) untuk melengkapkan ayatnya dan objek tersebut ialah 'pesakit'.

- ii. *Ta'addud al-ta'addiyah* (تَعَدُّدُ التَعَدِّيَّة) iaitu menukarkan sifat sesuatu kata kerja 'ekatransitif' iaitu yang hanya memerlukan satu *maf'ul bih* (مَفْعُولٌ بِهِ) atau objek kepada kata kerja 'dwitransitif' iaitu kata kerja yang memerlukan dua *maf'ul bih* (مَفْعُولٌ بِهِ) atau dua objek untuk menyempurnakan ayatnya. Contohnya:

لَيْسَ عُمَرُ حِذَاءً

Bermaksud: Umar memakai kasut.

Maf'ul bih (مَفْعُولٌ بِهِ) tersebut ialah *hiza'* (حِذَاءٌ). Namun apabila ditambah *hamzah qat'* (أ) pada awal perkataan *labisa* (لَبِسَ) ini, ia membentuk perkataan baharu iaitu *albasa* (الْبَسَ) yang berubah sifat menjadi kata kerja 'dwitransitif' iaitu memerlukan dua *maf'ul bih* (مَفْعُولٌ بِهِ) atau objek untuk membina ayat yang sempurna seperti:

الْبَسَ عُمَرُ وَلَدَهُ حِذَاءً

Bermaksud: Umar memakai anaknya kasut.

Kata imbuhan *hamzah qat'* (أ) ini membawa maksud imbuhan 'me...kan' iaitu sebahagian 'imbuhan apitan pentransitif' bahasa Melayu. Dua *maf'ul bih* (مَفْعُولٌ بِهِ) atau objek dalam ayat di atas ialah *waladahu* (وَلَدَهُ) dan *hiza'* (حِذَاءٌ).

- iii. Ia menunjukkan perbuatan yang dilakukan pada sesuatu masa tertentu atau *al-dukhul fi al-zaman* (الدُّخُولُ فِي الزَّمَانِ) (Mohd Rosdi Ismail 2003: 183) seperti perkataan:

أَصْبَحْنَا بِصَلَاةِ الْفَجْرِ

Bermaksud: Kami berpagi dengan solat Subuh.

Kata akar bagi kata kerja dalam ayat ini ialah *subh* (صُبِحَ) yang bermaksud 'pagi'⁸. Kemudian ditambah imbuhan awalan *hamzah qat'* (أ) pada awal

⁸ Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa, *Kamus al-Miftah*, Al-Azhar Media, Seremban, 2008, 1063.

perkataan ini dan membentuk perkataan baharu iaitu *asbaha* (أَصْبَح). Imbuhan awalan *hamzah qat'* (أ) ini jika dibandingkan dalam kata kerja berimbuhan bahasa Melayu mengikut fungsi yang sama, ia membawa maksud 'ber' yang tergolong dalam 'imbuhan awalan bangun kata kerja' dan akhirnya perkataan *asbah* (أَصْبَح) ini diterjemahkan sebagai 'berpagi'.

- iv. Ia membawa maksud *mutawa'ah* (مُطَاوَعَة) atau 'kesan' daripada sesuatu kata kerja di atas pola *fa'cc'ala* (فَعَّل). Dalam tatabahasa Melayu, ia menerbitkan imbuhan baharu iaitu 'ter' yang dikenali sebagai 'imbuhan bangun membuat dengan tidak sengaja'. Sebagai contoh ayat:

فَطَّرْتُهُ فَتَأْفِطِرَ

Bermaksud: Saya memecahkannya sehinggalah ia terbelah.

Perkataan *aftara* (أَفْطَرَ) berasal daripada kata akar *fatara* (فَطَرَ) yang bermaksud 'pecah' atau 'belah'⁹. Apabila kata akar ini dimasuki oleh *hamzah qat'* (أ), ia mendatangkan imbuhan baharu iaitu 'ter' dan akhirnya perkataan *aftara* (أَفْطَرَ) ini diterjemahkan sebagai 'terbelah', kesan daripada perbuatan 'memecahkannya' iaitu *fattartuhu* (فَطَّرْتُهُ) yang telah dibina atas pola *fa'cc'ala* (فَعَّل) (Ahmad al-Hamlawiy 2003: 28).

- v. Jika kata akar tergolong dalam kata kerja tak transitif, penambahan morfem ini akan membawa maksud 'menjadi' atau *sairurah shaiy' dha shaiy'* (صَيْرُورَةً) (شيءٍ ذا شيءٍ) (Mohd. Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah 2010: 54) seperti ayat:

أَفْلَسَ الرَّجُلُ

Bermaksud: Lelaki itu menjadi muflis.

Perkataan *aflasa* (أَفْلَسَ) berasal daripada kata akar *falisa* (فَلَسَ) yang bermaksud tidak mempunyai apa-apa atau 'muflis'¹⁰. Apabila *hamzah qat'* (أ) dimasukkan pada awal kata akar, ia membawa erti 'menjadi muflis'.

- vi. Apabila kata nama bagi sesuatu tempat dijadikan sebagai kata kerja dan pada awalnya diletakkan morfem ini, ia akan membawa maksud 'memasuki' tempat tersebut atau *al-dukhul fi al-makan* (الدُّخُولُ فِي الْمَكَانِ) (Mohd Rosdi Ismail 2003: 183). Sebagai contoh ayat:

أَمْصَرَتِ الْقَوَافِلُ

Bermaksud: Rombongan itu memasuki Negara Mesir.

Kata akar perkataan *amsara* (أَمْصَرَ) ialah kata nama bagi *Misr* (مِصْر) iaitu merujuk kepada Negara Mesir¹¹. Namun apabila kata nama akar ini dimasuki imbuhan awalan *hamzah qat'* (أ), ia berubah menjadi kata kerja yang morfem

⁹ Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa, 2008, 1287.

¹⁰ Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa, *Kamus al-Miftah*, Al-Azhar Media, Seremban, 2008, 1294.

¹¹ Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa, 2008, 1655.

tambahannya berfungsi membawa maksud ‘memasuki’ dan terjemahan bagi *amsara* (أَمَصَرَ) ialah ‘*memasuki* Negara Mesir’.

- vii. Penambahan imbuhan awalan ini pada sesuatu kata nama membawa maksud ‘menghilangkan’ atau *al-idhalat* (الإزالة) (Ahmad al-Hamlawiy 2003: 27) seperti ayat:

أَقْتَدَيْتُ عَيْنَهُ

Bermaksud : Aku menghilangkan habuk dari matanya.

Perkataan *aqdhaitu* (أَقْتَدَيْتُ) berasal daripada kata nama akar *qadha* (قَدَى) yang bermaksud ‘habuk’¹². Apabila awal kata akar ini diletakkan imbuhan awalan *hamzah qat'* (أ) sehingga menjadi kata kerja *aqdha* (أَقْدَى), morfem ini berfungsi membawa maksud ‘menghilangkan’ dan terjemahan bagi perkataan *aqdha* (أَقْدَى) ini pula ialah ‘*menghilangkan* habuk’.

- viii. Morfem *hamzah qat'* (أ) ini juga berfungsi untuk menyifatkan seseorang dengan kata akar yang dimasuki olehnya atau *musadafah al-shaiy'* ‘*ala sifat* (مُصَادَفَةُ الشَّيْءِ عَلَى صِفَةٍ) seperti ayat:

أَكْرَمْتُ زَيْدًا

Bermaksud: Aku mendapati Zaid seorang yang pemurah.

Kata akar perkataan *akrama* (أَكْرَمَ) ialah *karuma* (كُرُمَ) yang bermaksud ‘pemurah’¹³. Dalam ayat ini, sifat pemurah tersebut disandarkan kepada Zaid dengan meletakkan *hamzah qat'* (أ) pada awal kata akar *karuma* (كُرُمَ) dan menjadikan Zaid sebagai objek atau *maf'ul bihnya* (مَفْعُولٌ بِهِ). Akhirnya melalui ayat ini difahami bahawa Zaid bersifat sebagai seorang yang pemurah.

- ix. Imbuhan ini membawa maksud ‘sudah boleh’, ‘sudah layak’ atau seumpamanya pada pengertian *istihqaq* (اِسْتِحْقَاقٌ) seperti ayat:

أُحْصَدَ الزَّرْعُ

Bermaksud: Tanaman itu sudah boleh dituai

Ahsada (أُحْصَدَ) berasal daripada perkataan *hasada* (حَصَدَ) iaitu ‘menuai’¹⁴. Apabila ditambah *hamzah qat'* (أ) pada hadapan kata akar, ia membawa maksud ‘sudah boleh’. Justeru, *ahsada* (أُحْصَدَ) diterjemahkan sebagai ‘*sudah boleh* dituai’.

2. Analisis penterjemahan kata kerja berimbuhan *af'ala* (أَفْعَلَنَّ) dalam surah *al-Baqarah*:

Dalam surah *al-Baqarah*, sebanyak 94 populasi kata kerja berimbuhan ditemui atas *wazn* atau pola *af'ala* (أَفْعَلَنَّ). Hanya 3 sampel sahaja dipilih mewakili fungsian makna kata imbuhan yang berlainan. 'Terjemahan al-Hidayah' (2013) akan dijadikan sebagai

¹² Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa, 1328.

¹³ Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa, 1392.

¹⁴ Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa, 2008, 649.

rujukan utama al-Qur'an dan terjemahannya dengan berbantuan 'Kamus al-Miftah' (2008) yang dijadikan sebagai kamus rujukan utama dalam menilai setiap perterjemahan kata yang dianalisis. Konteks padanan kata akan dikaji berdasarkan fungsian makna bagi kata kerja berimbuhan yang didapati daripada kajian pada bab tiga terdahulu. Dalam bahagian ulasan terjemahan, sekiranya teks terjemahan berjaya mewujudkan kesejadian makna dengan teks sumber, sokongan sepenuhnya akan diberikan. Namun jika sebaliknya, terjemahan tersebut akan dikritik menggunakan pelan yang dikemukakan oleh Reiss serta Newmark dan akhirnya satu cadangan terjemahan baharu akan dikemukakan (Mohd Bakri Aziz 2010: 41).

Sampel 1 dengan fungsian makna *al-ta^cdiyyah* (التَعْدِيَّة):

﴿ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴾

(al-Baqarat: 11)

Teks terjemahan:

Dan bila dikatakan kepada mereka, 'Janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi'. Mereka menjawab, 'Sesungguhnya kami orang yang membuat kebaikan'.

Ulasan:

Perkataan *tufsidu* (تُفْسِدُونَ) berasal daripada kata akar tiga huruf iaitu *fasada* (فَسَدَ) yang bererti 'rosak'. Apabila ditambah morfem *alif* (أ) pada awal kata, ia membentuk perkataan baharu iaitu *afsada* (أَفْسَدَ) di atas pola *af'ala* (أَفْعَلَ) dan turut mendatangkan makna yang tertentu. Bahasa Arab dikenali sebagai bahasa *tasrif* (تَصْرِيف) atau infleksi dan ia jelas dilihat dalam ayat ini apabila kata kerja berimbuhan *afsada* (أَفْسَدَ) berubah menjadi *tufsidun* (تُفْسِدُونَ) disebabkan perubahan pelakunya yang merujuk kepada kata ganti diri kedua jamak iaitu *antum* (أَنْتُمْ). Fungsian makna bagi terjemahan konteks ayat ini ialah *al-ta^cdiyyah* (التَعْدِيَّة) yang bermaksud menukarkan terjemahan kata kerja tak transitif iaitu 'rosak' kepada kata kerja transitif iaitu 'merosakkan'. Namun, penterjemah memilih perkataan 'membuat kerosakan' sebagai padanan bagi kata kerja *mudari^c* tersebut dan ia dilihat tidak terpesong daripada makna yang dikehendaki. Bahkan, bentuk terjemahan 'membuat kerosakan' ini lebih sesuai kerana mengambil kira terjemahan yang lebih natural dengan makna perkataan yang selepasnya iaitu 'di muka bumi'.

Sampel 2 dengan fungsian makna *musadafah al-shaiy' ^cala sifat* (مُصَادَفَةُ الشَّيْءِ عَلَى صِفَةٍ):

﴿ مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ... ﴾

(al-Baqarat: 17)

Teks terjemahan:

Perumpamaan mereka adalah seperti orang yang menyalakan api, maka setelah api itu menerangi sekelilingnya, Allah menghilangkan cahaya (yang menyinari) mereka ...

Ulasan:

Perkataan *ada'at* (أَضَاءَتْ) berasal daripada *ism* (إِسْم) atau kata nama *daw'* (ضَوْء) yang bermaksud 'cahaya'. Apabila ia diubah kepada kata kerja berimbuhan dengan satu huruf di atas *wazn* atau pola *af'ala* (أَفْعَلَنَ), imbuhan awalan *alif* (أ) pada awal kata ini berfungsi sebagai *musadafah al-shaiy' 'ala sifat* (مُصَادَفَةُ الشَّيْءِ عَلَى صِفَةٍ) untuk menyifatkan 'cahaya' dengan sesuatu yang lain iaitu 'terang'. Sebab itu apabila kata nama 'cahaya' ditukar menjadi kata kerja, semua kamus menterjemahkannya sebagai 'menerangi' atau 'menyinari'. Sampel ini menunjukkan bahawa setelah mengalami beberapa proses *i'lal* (إِعْلَال) dan *ibdal* (إِبْدَال), perkataan *daw'* (ضَوْء) akhirnya diubah menjadi kata kerja *ada'at* (أَضَاءَتْ). Hujung perkataan ini terdapat *ta' al-ta'nith* (تَاء التَّنْثِيثِ), merujuk kepada nar (نار) yang bersifat *muannath* (مُؤَنَّث) atau feminin. Penterjemah dilihat berjaya menterjemah perkataan *ada'at* (أَضَاءَتْ) secara dinamis apabila menggunakan perkataan 'menerangi' sebagai padanannya yang sepatutnya untuk terjemahan ini.

Sampel 3 dengan fungsian makna *al-dukhul fi al-zaman* (الدُّخُولُ فِي الزَّمَانِ):

﴿ ... وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا ... ﴾

(al-Baqarat: 20)

Teks terjemahan:

... dan apabila gelap menimpa mereka, mereka berhenti ...

Ulasan:

Perkataan *azlama* (أَظْلَمَ) berasal daripada kata akar *zalima* (ظَلِمَ) yang bermaksud 'gelap' dan ia menggambarkan keadaan gelap pada sesuatu masa, seumpama 'terang' pada waktu siang. Imbuhan awalan *alif* (أ) yang diletakkan pada awal kata *azlama* (أَظْلَمَ) berfungsi sebagai *al-dukhul fi al-zaman* (الدُّخُولُ فِي الزَّمَانِ) untuk menunjukkan bahawa sesuatu perbuatan yang dilakukan pada masa tertentu. Maksud yang difahami berdasarkan konteks ayat di atas melalui fungsian makna daripada perkataan ini ialah 'apabila suasana ketika itu *menggelapi* mereka'. Namun, terjemahan sebegini kelihatan tidak natural dengan gaya bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu. Justeru, penterjemah memilih perkataan '... dan apabila gelap menimpa mereka' sebagai padanan terbaik serta ia lebih sesuai dengan penterjemahan kata *'alayhim* (عَلَيْهِمْ) selepasnya dan ia dilihat tidak terpesong daripada makna yang dikehendaki.

Kesimpulan

Pengembangan kata atau *ishtiqaq* (اِسْتِثْقَاق) kata kerja dalam bentuk *wazn* atau pola yang pelbagai melalui proses pengimbuhan morfem *alif* (أ) sebagai imbuhan awalan kepada kata akarnya bukan sahaja membentuk kata kerja berimbuhan baharu, bahkan juga membawa maksud yang baharu, berdasarkan fungsian makna yang tertentu mengikut konteks ayat yang berbeza-beza (Ali 'Abd al-Wahid 1997: 20) Justeru, memahami fungsi imbuhan dalam kata kerja *af'ala* (أَفْعَلَنَ) amat penting dalam menentukan padanan yang sesuai dalam penterjemahan surah *al-Baqarah* ini. Secara

umumnya, terjemahan surah *al-Baqarah* pada kata kerja berimbuhan di atas *wazn* atau pola *af'ala* (أفعل) ini dapat dilakukan dengan baik dan difahami. Berdasarkan 94 populasi yang diperolehi, 3 sampel dipilih berdasarkan makna fungsi imbuhan yang berlainan. Terjemahan dilihat berjaya memadankan dengan tepat kata akar yang dimasuki oleh morfem *alif* (أ) dalam membentuk kata kerja berimbuhan baharu dengan makna yang sejadi dalam bahasa Melayu. Walau pun terdapat beberapa terjemahan imbuhan yang berlainan daripada fungsian maksud yang asal, namun ia masih tidak lari daripada maksud yang dikehendaki. Sedikit pengubahsuaian yang dilakukan bermatlamat untuk menjadikan terjemahan lebih berbentuk natural sesuai dengan konteks ayat.

Rujukan

- Abd Aziz Abdul Talib. 1996. *Menguji Kemahiran Bahasa: Prinsip, Teknik dan Contoh*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abd Basir Awang. 2002. *Ketidakbolehterjemahan Katawi Dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Disertasi Sarjana.
- Abdullah Hassan. 1980. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya.
- Abdullah Hassan. 1983. *Rencana Linguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abdullah Hassan. 1987. *Nota Ringkas Terjemahan*. Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur.
- Abdullah Hassan. 2006. *Morfologi*. PTS Professional, Batu Caves Kuala Lumpur.
- Ahmad Zaki Ibrahim dan Norhayati Hamzah. 2007. *Soroton Gerakan Penterjemahan dan Penerbitan Buku-buku dalam Dawlah Abbasiyyah di Baghdad*. Journal of al-Tamaddun. Kuala Lumpur.
- Ainon Muhammad. 1991. *Panduan Menterjemah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ainon Muhammad. 1980. *Pengantar Terjemahan*. Penerbitan Adabi, Kuala Lumpur.
- Arif Karkhi Abu Khudayri. 1993. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-4*; Persatuan Penterjemah Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Asmah Omar. 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Al-Fayruz, Abadi, Majd al-Din Muhammad bin Ya'qub. 1997. *Al-Qamus al-Muhit*. Taqdim: Muhammad Abd al-Rahman al-Marashli. Jil. 2. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi wa Muassasat al-Tarikh al-'Arabi.

- Frederick J. Newmeyer. 1996. *Teori Tata Bahasa Keterbatasan dan Kemungkinannya (Terjemahan)*. Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Al-Hamlawi, Ahmad. 2003. *Shaza al-^ḥArf*. Dar al-Fikr, Misr.
- Al-Haud, Ahmad. 2007. *Qadiyyah al-^ḥrab*. Damascus, Syria.
- Hashim Musa. 1993. *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa & Pustaka Kuala Lumpur.
- Ibn Hisham, Abu Muhammad ^ḥAbdullah Jamaluddin Yusuf. 1987. *Mughni al-Labib*. Maktabah Asriyyah, Beirut, Lubnan.
- Ibn Jinnī, Abu al-Fath ^ḥUthmān. 1313 H/1965 M. *Al-Munsif li Kitāb al-Tasrīf*. Mesir: Maktabat wa Matba^ḥat Mustafā al-Bābī al-Halabī.
- Ibn Jinni, Abu al-Fath Uthman. 1903. *Al-Khasa'is*. Dar Kutub al-Misriyyah, Misr.
- Ibrahim Anis. 1978. *Min Asrar al-Lughah*. Maktabat al-Anjilu al-Misriyyah, Misr.
- Jelani Harun. 1994. *Kajian Karya Terjemahan Dalam Kesusasteraan Bandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Jeremy Munday. 2001. *Introducing Translation Studies*. Routledge, London.
- John Lyons. 1994. *Bahasa, Makna dan Konteks (Terjemahan)*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Julia Scott Meisami & Paul Starley. 1998. *Encyclopedia of Arabic literature*. TJ International Ltd. Padstow & Cornwall, New York.
- Kamus Besar Arab-Melayu. 2006. Dewan Bahasa & Pustaka Kuala Lumpur.
- Kamus al-Miftah. 2008. Al-Azhar Media, Negeri Sembilan.
- Khalusi, Safa. 1982. *Fann al-Tarjamat*. Baghdad: Dar al-Hurriyat Li al-Tiba^ḥat.
- Khalusi, Safa. 2000. *Fann al-Tarjamat*. Cetakan kedua. Kaherah.
- Liau Yock Fang dan Abdullah Hassan. 1994. *Nahu Melayu Moden*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Maheram Ahmad. 2008. Permasalahan Penterjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Teks Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.
- Mohamad Syukri Abdul Rahman & Adnan Mat Ali. 2012. *Minat dan Persepsi Pelajar Terhadap Program Sarjana Muda Bahasa Arab (Terjemahan) (Kepujian)*; Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ketiga. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

- Mohd Bakri Aziz @ Saari. 2010. Ketepatan Padanan Terjemahan Puisi Arab Dalam Kitab La Tahzan: Satu Analisis Bandingan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Disertasi Sarjana.
- Mohd Haris Sulaiman. 2011. Penguasaan Kemahiran Perterjemahan Perkataan Arab Berimbuhan di Kalangan Pelajar IPTA. Universiti Malaya. Tesis Sarjana.
- Mohd. Hilmi b. Abdullah. 2008. *Teori & Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu*. Pustaka HILMI, Ketereh, Kelantan.
- Mohd. Rosdi Ismail. 2003. *Bahasa Arab Mikro; Binaan Kata & Fungsi Makna*. Percetakan Darul Naim, Kelantan.
- Mokhtar Ahmad. 1986. *Penerjemah Seperti Tukang Perabot*. Pelita Bahasa, Kuala Lumpur.
- Muhammad Bukhari Lubis, Mohd. Fauzi Jumingan dan Khairunnawa Mohamed. 1998. *Penerjemahan Arab Melayu Arab Peraturan & Dasar*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Muhammad Bukhari Lubis. 1993. *Kursus Penerjemahan Arab-Melayu; Seminar Terjemahan Arab-Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2012. *Penterjemahan ialah Satu Perniagaan*; Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ketiga. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Firdaus Abdul Manaf. 2011. Tahap Penguasaan *Fi'l Madi* dan *Fi'l Mudari* Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka. Universiti Kebangsaan Malaysia. Disertasi Sarjana.
- al-Mu'jam al-Asasi*. 1997. Al-Munazzamah al-^oArabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-^oUlum, Beirut, Lubnan.
- Mu'jam al-Mustalahat al-^oArabiyyat fi al-Lughat wa al-Adab*. 1984. Beirut: Maktabat Lubnan.
- Mujahid, Abd Karim. 1991. *Ilm al-Lisan al-^oArabi*. Amman: Dar al-Quds.
- al-Munjid fi al-Lughah wa ^oAlam. 2002. Dar al-Mashriq Publisher, Beirut, Lubnan.
- Nida, E.A. 1964. *Toward A Science of Translation*. Leiden: E.J. Brill.
- Nida, E.A. & C.R. Taber. 1974. *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E.J. Brill, Leiden.
- Nida, E.A. 1975. *Compenential Analysis of Meaning*. The Hague. Mouton.

- Nida & Taber. 1982. *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E.J. Brill, Leiden.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*; Entri 'ia'. Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim. 1996. *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur.
- Peter Newmark. 1994. *Pendekatan Penterjemahan (Terjemahan)*. Dewan Bahasa & Pustaka Kuala Lumpur.
- Soheir Abd Moneim Sery. 1993. *Terjemahan dan Kemajuan*; Kertas kerja Diskusi Ilmiah Pengajian Islam UKM.
- Steiner. G. 1976. *After Babel: Aspect of Language and Translation*. Oxford University Press, London.
- Syed Ali. 1990. *Arabic For Beginners*. Golden Book Centre Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Taufiq ^UUmar. 1999. *Kaifa Nata^callam al-^rrab*. Dar al-Fikr, Beirut, Lubnan.
- Van Slyle, G. Guinet, J.F., Seitz, F. & Benejam, R. 1983. *Better Translation for Better Communication*. Pergamon Press, London.